

# Sultan Selangor, Dr. Mahathir ketuai senarai penerima darjah

UM 19 JAN 2003

ALOR STAR 18 Jan. — Sultan Selangor, Tuanku Sharafuddin Idris Ibn Alharhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengetuai senarai 1,121 penerima darjah kebesaran dan pingat sempena ulang tahun keputeraan Sultan Kedah yang ke-75, esok.

Sultan Selangor dan Dr. Mahathir dikurniakan Darjah Kerabat (DK) Kedah iaitu darjah kebesaran tertinggi negeri.

Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain pula menerima darjah kebesaran yang membawa gelaran Datuk Seri Setia Diraja manakala Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Paduka Ismail Shafie dikurniakan gelaran Datuk Lela Setia.

Dua orang pula dianugerahkan darjah Seri Setia Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (D.H.M.S.) yang membawa gelaran Datuk Paduka iaitu Mufti Negeri Kedah, Datuk Syeikh Hasbullah Abd. Halim dan Ketua Pengarah Kastam, Datuk Abd. Halil Mutalib.

Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Ku Nahar Ku Ibrahim, Datuk Panglima Jaya Datuk Syed Ahmad Syed Mohamad Al-

Mahdali, Pengarah Tanah dan Galian, Datuk Hashim Mat Noor dan Pengerusi Sarawak Securities Sdn. Bhd., Datuk Onn Mahmud, dianugerahi Darjah Kebesaran Gemilang Seri Mahkota Kedah Yang Amat Dihormati (D.G.M.K.) dengan gelaran Datuk Wira.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sumber Manusia, Osman Md. Aji mendahului senarai 36 penerima anugerah Darjah Setia Diraja Kedah (D.S.D.K) yang membawa gelaran Datuk.

---

## Sejarah

Antara penerima lain ialah Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK), Dr. Abdul Ghani Shafie; Duta Malaysia ke Austria, Gulam Husein Gulam Haniff, bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Nerang, Dr. Awang Ahmad Sulaiman dan pakar sejarah, Mohd. Ismail Salleh.

Seramai 36 orang menerima

darjah kebesaran Setia Diraja Kedah (S.D.K.).

Antaranya ialah Pentadbir Tanah Kuala Muda, Abd. Latip Mustapa; Hakim Mahkamah Syariah Kedah, Sheikh Mahmud Abdul Manaf; Pegawai Daerah Bandar Baharu, Hashim Ismail dan Pegawai Daerah Pendang, Mohd. Haniffa Mohd. Salleh.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Kedah, Fadzil Hanafi pula mengetuai senarai 18 orang yang ditauliahkan Jaksa Pendamai (J.P).

Turut menerima J.P. ialah Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Tenaga, Telekomunikasi, Multimedia dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), Rosnah Majid, ADUN Tunjang, Barishah Saad dan Ahli Parlimen Padang Serai, Lim Bee Kau.

Majlis yang sama turut menyaksikan seramai 109 orang menerima anugerah Ahli Mahkota Kedah (A.M.K.), 69 Bintang Perkhidmatan Cemerlang Kedah (B.C.K.), 84 Pingat Perkhidmatan Cemerlang Kedah (P.C.K), 208 Bintang Kebaktian Masyarakat (B.K.M), 486 Pingat Jaksa Kebaktian (P.J.K) dan 63 Pingat Perkhidmatan Lama (P.P.L.).